

18 MAY 1997

KEJOHANAN MEMANAH ASIA:TIGA NEGARA SAHKAN PENYERTAAN

LANGKAWI, 18 Mei (Bernama) -- Tiga negara mengesahkan penyertaan dalam Kejohanan Memanah Asia ke-10 di Komplek Sukan Langkawi mulai 19 hingga 27 Nov depan.

Pengerusi penganjur kejohanan itu, Datuk Abdul Halil Mutalib, berkata negara berkenaan ialah Jepun, Thailand dan Arab Saudi manakala juara bertahan, Korea, belum memberi jawapan.

Negara-negara lain anggota gabungan Persekutuan Memanah Asia (AAF) yang dijemput telah memberi jawapan positif untuk mengambil bahagian pada kejohanan itu, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa penganjur kejohanan itu di sini hari ini.

Sebanyak 21 negara anggota gabungan AAF dan tiga anggota bersekutu iaitu New Zealand, Australia dan Kepulauan Mariana Utara diundang menyertai kejohanan itu menerusi persatuan memanah kebangsaan negara-negara masing-masing. Tarikh tutup penyertaan pada 15 Sept ini.

Mengenai persiapan skuad negara ke kejohanan itu, beliau berkata Malaysia akan mengemukakan pemanah terbaik bagi mengetuai cabaran negara ke kejohanan itu.

Empat pemanah lelaki dan empat wanita akan dipilih menyertai skuad Malaysia.

Beliau, yang juga Presiden Persatuan Memanah Kebangsaan (NAAM) dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipilih sebagai penaung kejohanan itu manakala Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid ialah penasihat. -- BERNAMA

ZI NAK